

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 SEJARAH (1249/2)**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2017 PP**

| Soalan | Butiran | Markah |
|--------|---|--------------|
| 1 (a) | Nyatakan keistimewaan yang menyumbang kepada kemunculan tamadun tersebut. | |
| | F1 Tanah subur / iklim sesuai. | 1 |
| | F2 Kawasan sekitarnya subur | 1 |
| | F3 Terdapat Sungai Hwang Ho/Sungai Kuning | 1 |
| | F4 Penduduk dapat menjalankan aktiviti pertanian da penternakan | 1 |
| | F5 Ada kehidupan Zaman Paleolitik | 1 |
| | F6 Kaya dengan hasil hutan | 1 |
| | F7 Terdapat bandar Anyang yang strategik | 1 |
| | [Mana-mana 3x1 m] | [3 m] |
| 1 (b) | Mengapakah masyarakat tamadun di atas berjaya mencapai kemajuan dalam bidang pertanian? | |
| | F1 Memanfaatkan tanah yang subur | 1 |
| | F2 Iklim yang sesuai | 1 |
| | F3 Mempunyai sistem pengairan yang baik/ sungai | 1 |
| | F4 Teknologi pertanian seperti alatan membajak | 1 |
| | F5 Penciptaan alatan pertanian seperti cangkul | 1 |
| | (Mana-mana jawapan munasabah) | [3 m] |
| 1 (c) | Malaysia menerima kesan daripada sumbangan tamadun awal dalam bidang pertanian. Buktikan. | |
| | Penskoran | |
| | Calon mampu menyatakan isi dan setiap isi dihuraikan dengan sangat lengkap beserta contoh yang sesuai. Inferens juga dikemukakan. | 4 |
| | Calon mampu menyatakan isi dan setiap isi dihuraikan dengan lengkap beserta contoh yang sesuai. Inferens juga dikemukakan | 3 |
| | Calon mampu menyatakan isi dan setiap isi dihuraikan beserta contoh yang sesuai. | 2 |
| | Calon menyatakan isi secara umum sahaja. | 1 |
| | Cadangan Jawapan | |
| | Kesan Meningkatkan penyelidikan berkaitan sektor pertanian | |
| | Huraian Untuk menghasilkan benih atau teknologi berkualiti tinggi | |
| | Meningkatkan hasil petani dan negara | |
| | Contoh Variati baru padi atau kelapa sawit | |

| | | | |
|-------|---|-------------------|-------|
| | (Mana-mana jawapan munasabah) | | [4 m] |
| 2 (a) | Jelaskan usaha H.N. Ridley dalam meningkatkan perusahaan getah di Tanah Melayu. | | |
| | F1 Berusaha meyakinkan para peladang menanam getah | | 1 |
| | F2 Mengadakan pameran | | 1 |
| | F3 Mengagihkan benih getah secara percuma | | 1 |
| | F4 Memperkenalkan teknik torehan baru / ibidem / tulang ikan kering | | 1 |
| | | [Mana-mana 3X1 m] | [3 m] |
| 2 (b) | Bagaimanakah British menggalakkan perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu? | | |
| | F1 Menggalakkan kemasukan pemodal asing / Eropah | | 1 |
| | F2 Menyediakan kadar sewa tanah yang rendah | | 1 |
| | F3 Mengenakan tarif cukai yang rendah | | 1 |
| | F4 Memberikan 4 peratus dividen kepada syarikat pengusaha getah | | 1 |
| | F5 Pengecualian cukai eksport selama 50 tahun | | 1 |
| | F6 Menyediakan infrastruktur seperti jalan kereta api / jalan raya | | 1 |
| | F7 Membawa masuk pekerja asing terutama dari selatan India | | 1 |
| | | [Mana-mana 3X1 m] | [3 m] |
| 2 (c) | Dasar penjajahan British menyebabkan orang Melayu tidak melibatkan diri secara besar-besaran dalam penanaman getah. Buktikan. | | |
| | F1 Pengenalan Enakmen Tanah Padi 1917 | | 1 |
| | H1a melarang penanaman getah di kawasan penanaman padi | | 1 |
| | H1b mengurangkan penyertaan pekebun kecil getah | | 1 |
| | H1c terutamanya orang Melayu | | 1 |
| | F2 Menaikkan premium permohonan tanah baru untuk penanaman getah dinaikkan | | 1 |
| | F3 Pembukaan tanah-tanah baru untuk penanaman getah dilarang | | 1 |
| | F4 British memberi perlindungan kepada pemodal Eropah | | 1 |
| | F5 Pekebun kecil diberi kuota yang rendah | | 1 |
| | H5a pekebun kecil ditekan | | 1 |
| | H5b dianggap ancaman kepada penguaha ladang | | 1 |
| | F6 British ingin mengekalkan orang Melayu sebagai petani | | 1 |
| | H6a menubuhkan Jabatan Parit dan Tali Air | | 1 |
| | H6b membaiki sistem perparitan / tali air | | 1 |
| | H6c untuk membantu kegiatan penanaman padi | | 1 |
| | H6d tidak mahu bergantung kepada beras import | | 1 |

| | | |
|-----------|---|--------------|
| | F7 Mewujudkan Akta Tanah Simpanan Melayu | 1 |
| | H7a untuk melarang penanaman getah | 1 |
| | H7b kebanyakan tanah tidak subur | 1 |
| | F8 Pekebun kecil dipinggirkan | 1 |
| | H8a tiada insentif kewangan | 1 |
| | [Mana-mana 4X1 m] | [4 m] |
| 3 (a)(i) | Lima bilah keris | |
| | F1 Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu | 1 |
| | F2 Perlis/ Kedah/ Kelantan/ Terengganu/ Johor | 1 |
| | [Mana-mana 1X1 m] | [1 m] |
| 3 (a)(ii) | Dua ekor harimau | |
| | F1 Keberanian | 1 |
| | [Mana-mana 1X1 m] | [1 m] |
| 3 (b) | Cogan kata pada jata negara ialah “Bersekutu Bertambah Mutu”. Bagaimanakah anda dapat mengaplikasikan cogan kata tersebut untuk kemajuan negara? | |
| | F1 Menerapkan semangat kerjasama | 1 |
| | H1 untuk memupuk kesepakatan dalam masyarakat | 1 |
| | F2 Mengutamakan semangat bersatupadu | 1 |
| | H2 supaya negara aman dan damai | 1 |
| | F3 Mengamalkan sikap bertolak ansur | 1 |
| | H3 supaya dapat mengekalkan keharmonian masyarakat | 1 |
| | F4 Memupuk semangat permuafakatan/musyawarah | 1 |
| | H4 untuk meningkatkan persefahaman rakyat pelbagai kaum | 1 |
| | (Mana-mana jawapan munasabah) | |
| | [Mana-mana 2X1 m] | [2 m] |
| 3 (c) | Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri masyarakat Malaysia yang dapat dibentuk melalui amalan penghayatan lambang-lambang negara? | |
| | F1 Rakyat mentaati raja / pemimpin negara | 1 |
| | F2 Rakyat sedia berkorban demi kepentingan negara | 1 |
| | F3 Rakyat yang menghormati/mematuhi undang-undang demi keamanan negara | 1 |
| | F4 Rakyat yang sentiasa memelihara nama baik / imej negara supaya dihormati seluruh dunia | 1 |
| | F5 Rakyat yang sentiasa bersatu padu demi mengekalkan kemajuan negara | 1 |

| | | | |
|-------|---|-------------------|-------|
| | (Mana-mana jawapan munasabah) | [Mana-mana 3X1 m] | [3 m] |
| 3 (d) | Lambang penting kepada sesebuah negara. Ulaskan. | | |
| | Penskoran | | |
| | Calon mampu menyatakan isi dan setiap isi dihuraikan dengan sangat lengkap beserta contoh yang sesuai. Inferens juga dikemukakan. | | 3 |
| | Calon mampu menyatakan isi dan setiap isi dihuraikan beserta contoh yang sesuai. | | 2 |
| | Calon menyatakan isi secara umum sahaja. | | 1 |
| | Cadangan Jawapan | | |
| | Isi Meningkatkan identiti atau imej negara | | |
| | Huraian Menunjukkan semangat rakyat Malaysia | | |
| | Contoh Mengibarkan jalur gemilang ketika memenangi acara sukan peringkat antarabangsa | | |
| | (Mana-mana jawapan munasabah) | | [3 m] |
| 4 (a) | Nyatakan tujuan penubuhan Suruhanjaya Reid. | | |
| | F1 Membincangkan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu | | 1 |
| | F2 Menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu | | 1 |
| | F3 Merangka sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu | | 1 |
| | F4 Mengkaji isu-isu dalam merangka perlembagaan | | 1 |
| | F5 Menerima memorandum daripada pelbagai pihak | | 1 |
| | | [Mana-mana 2X1 m] | [2 m] |
| 4 (b) | Jelaskan isu-isu yang menjadi panduan kepada Suruhanjaya Reid dalam melaksanakan peranannya. | | |
| | F1 Pembentukan kerajaan persekutuan yang kuat | | 1 |
| | F2 Pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu | | 1 |
| | F3 Kedudukan Raja-Raja Melayu | | 1 |
| | F4 Hak istimewa orang Melayu | | 1 |
| | F5 Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu | | 1 |
| | F6 Pemberian kerakyatan kepada imigran | | 1 |
| | F7 Agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu | | 1 |
| | F8 Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan | | 1 |
| | | [Mana-mana 2X1 m] | [2 m] |

| | | |
|-------|---|--------------|
| 4 (c) | Mengapakah cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Reid diterima oleh Raja-Raja Melayu? | |
| F1 | Menjamin kedudukan Raja-Raja Melayu | 1 |
| F2 | Mengiktiraf agama Islam sebagai agama rasmi | 1 |
| F3 | Mengiktiraf Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan | 1 |
| F4 | Mengiktiraf Yang Di-Pertuan Agong sebagai ketua negara | 1 |
| F5 | Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera | 1 |
| | [Mana-mana 3X1 m] | [3m] |
| 4 (d) | Mengapakah perlembagaan menjadi asas penting kepada pembinaan sesebuah negara? Berikan penjelasan anda. | |
| | Penskoran | |
| | Calon mampu menyatakan isi dan setiap isi dihuraikan dengan sangat lengkap beserta contoh yang sesuai. Inferens juga dikemukakan. | 3 |
| | Calon mampu menyatakan isi dan setiap isi dihuraikan beserta contoh yang sesuai. | 2 |
| | Calon menyatakan isi secara umum sahaja. | 1 |
| | Sebab Menjadi panduan dalam pentadbiran negara | |
| | Huraian tidak berlaku perebutan kuasa | |
| | Contoh terdapat Senarai Persekutuan/ Senarai Negeri/ Senarai Bersama | |
| | (Mana-mana jawapan munasabah) | |
| | Soalan ini boleh dibuat penandaan secara analitikal. | [3 m] |
| 5 (a) | Jelaskan latar belakang Nabi Muhammad s.a.w. sebelum dilantik menjadi rasul. | |
| F1 | Nama sebenar baginda ialah Muhammad bin Abdullah | 1 |
| F2 | Bapa baginda ialah Abdullah bin Abdul Muttalib. Meninggal dunia semasa baginda masih dalam kandungan ibunya | 1 |
| F3 | Diputerakan pada malam Isnin, 12 Rabiulawal Tahun Gajah bersamaan 20 April tahun 570 Masihi | 1 |
| F4 | Dipelihara dan disusui oleh Halimatus Sa'diyah | 1 |
| F5 | Ibu baginda, Aminah binti Wahab meninggal dunia ketika baginda berusia enam tahun | 1 |
| F6 | Baginda dipelihara oleh datuk baginda Abdul Muttalib dan kemudian Abu Talib, bapa saudara baginda | 1 |
| F7 | Baginda pernah mengembala kambing | 1 |
| F8 | Berniaga ke Syam bersama-sama Abu Talib | 1 |
| F9 | Ketika di Basrah, Buhaira (pendeta Nasrani) memberitahu Abu Talib tentang tanda kerasulan pada baginda | 1 |
| F10 | Ketika berumur 20 tahun, baginda menguruskan perniagaan Khadijah | 1 |
| F11 | Kemuliaan budi pekerti dan amanah menyebabkan Khadijah memberi modal yang lebih besar | 1 |

| | | | |
|-------|-----------|---|--------------|
| | F12 | Kebijaksanaan serta kelembutan tutur kata baginda menyebabkan perniagaan memperoleh keuntungan besar | 1 |
| | F13 | Ketika berusia 25 tahun, baginda berkahwin dengan Khadijah yang berusia 40 tahun | 1 |
| | | [Mana-mana 6X1 m] | [6 m] |
| 5 (b) | | Huraikan pendekatan Nabi Muhammad s.a.w. dalam usaha menyebarkan dakwah Islamiah di Mekah. | |
| | F1 | Kebijaksanaan Nabi Muhammad s.a.w. berdakwah | 1 |
| | H1a | berdakwah secara lemah-lembut/ berhikmah | 1 |
| | H1b | tidak memaksa | 1 |
| | H1c | memujuk dengan menggunakan akal | 1 |
| | F2 | Pendekatan perbandingan antara nilai akhlak masyarakat Arab Jahiliyah dengan nilai akhlak dalam Islam | 1 |
| | F3 | Nabi Muhammad s.a.w. membaca ayat al-Quran untuk menjawab pertanyaan para sahabat | 1 |
| | F4 | Memberikan penerangan dan menunjukkan teladan yang baik | 1 |
| | F5 | Nabi Muhammad s.a.w. menanamkan keimanan yang kuat kepada pengikut | 1 |
| | F6 | Keperibadian Nabi Muhammad s.a.w. yang mulia | 1 |
| | | (Mana-mana jawapan munasabah) | |
| | | [Mana-mana 6X1 m] | [6 m] |
| 5 (c) | | Petikan berikut menunjukkan bahawa Pelantikan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai rasul dianggap sebagai rahmat yang besar kepada kesejahteraan masyarakat dunia. Berikan ulasan anda. | |
| | F1 | Nabi Muhammad s.a.w. memiliki sifat-sifat mulia | 1 |
| | F2 | Siddiq/ amanah/ tabligh/ fatanah | 1 |
| | F3 | Berjaya mewujudkan sebuah negara yang makmur | 1 |
| | F4 | Kepemimpinannya telah diuji dan diperakui | 1 |
| | F5 | Pentadbiran kerajaan yang dipimpin telus dan diyakini | 1 |
| | F6 | Berjaya membentuk negara Islam Madinah yang berimej baik | 1 |
| | F7 | Mempunyai sifat keterbukaan | 1 |
| | F8 | Bersikap adil kepada semua kaum | 1 |
| | F9 | Mengikis sikap buruk dan amalan jahiliah yang telah sebatikan dalam diri masyarakat | 1 |
| | F10 | Patuh kepada semua perintah Allah SWT | 1 |
| | F11 | Berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat untuk maju | 1 |
| | F12 | Berupaya menyelesaikan pelbagai masalah umat | 1 |
| | F13 | Sentiasa amanah terhadap tugas/tanggungjawab | 1 |
| | F14 | Sentiasa bertindak secara bijaksana dalam menghadapi sesuatu perkara atau masalah | 1 |
| | F15 | Bertanggungjawab sebagai ketua keluarga melahirkan masyarakat yang sejahtera | 1 |
| | F16 | Menghormati semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit | 1 |

| | | | |
|-------|-----|---|--------------|
| | F17 | Cekap dalam pentadbiran dan mampu membuat keputusan yang tepat | 1 |
| | F18 | Mengambil berat masalah orang lain dan saling membantu dalam perkara kebaikan | 1 |
| | F19 | Sentiasa tabah dalam menghadapi cabaran dan dugaan untuk mencapai kejayaan | 1 |
| | | (Mana-mana jawapan munasabah) | |
| | | [Mana-mana 8X1 m] | [8 m] |
| 6 (a) | | Jelaskan sejarah pembentukan kerajaan Bani Abbasiyah. | |
| | F1 | Revolusi Abbasiyah ditaja oleh Ali bin Abdullah | 1 |
| | F2 | Pada mulanya dijalankan secara sulit | 1 |
| | F3 | Gerakan secara terbuka bermula semasa pemerintahan Umar bin Abdul Aziz | 1 |
| | F4 | Mereka menjalankan kempen atas nama Ahlul Bait | 1 |
| | F5 | Pusat operasi ialah di Kufah, Basrah dan Khurasan | 1 |
| | F6 | Gerakan radikal dijalankan oleh Muslim al-Khurasani | 1 |
| | F7 | Kerajaan Abbasiyah didirikan setelah Kerajaan Bani Umaiyyah digulingkan | 1 |
| | F8 | Pusat pemerintahan dipindahkan dari Damsyik ke Baghdad pada zaman Abu Jaafar al-Mansur | 1 |
| | | [Mana-mana 6X1 m] | [6 m] |
| 6 (b) | | Kota Baghdad berperanan sebagai pusat kegiatan intelektual pada zaman kegemilangan Kerajaan Bani Abbasiyah. Huraikan. | |
| | F1 | Pusat penulisan karya bahasa Arab | 1 |
| | F2 | Pusat penulisan kajian ilmiah | 1 |
| | F3 | Pusat penterjemahan karya Yunani | 1 |
| | F4 | Mengubahsuaikan karya terjemahan | 1 |
| | F5 | Membuat pembaharuan dalam karya terjemahan | 1 |
| | F6 | Pusat kegiatan ulama | 1 |
| | F7 | Menyusun hadis | 1 |
| | F8 | Menulis ilmu Islam dalam bidang fikah, tafsir, sejarah dan sebagainya | 1 |
| | F9 | Melahirkan ulama terkenal | 1 |
| | F10 | Pusat penyelidikan dan mendalami ilmu Islam | 1 |
| | F11 | Menyimpan hasil penulisan ilmu Eropah | 1 |
| | F12 | Mengembangkan ilmu Islam ke Eropah | 1 |
| | F13 | Pusat pengajian tinggi | 1 |
| | | (Mana-mana jawapan munasabah) | |
| | | [Mana-mana 6X1 m] | [6 m] |

| | | |
|-------|--|-----|
| 6 (c) | <p>Malaysia telah memberi sumbangan ke arah perkembangan tamadun Islam di persada dunia hari ini. Buktikan.</p> <p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Memberikan inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Menghantar bantuan kemanusiaan ke seluruh dunia seperti Syria, Iran, Iraq dan Indonesia menunjukkan semangat solidariti dan semangat kemanusiaan tidak mencampuri urusan dalam negara lain tetapi lebih kepada membantu dalam bidang logistik menunjukkan sikap prihatin seperti Mercy Malaysia tidak mengharapkan sebarang balasan atas setiap bantuan yang diberikan mengajar rakyat Malaysia sikap suka menolong mereka yang memerlukan meningkatkan imej negara Malaysia di persada dunia</i></p> | 7-8 |
| | <p>Aras 3</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Memberikan inferens Jawapan mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Menghantar bantuan kemanusiaan ke seluruh dunia seperti Syria, Iran, Iraq dan Indonesia menunjukkan semangat solidariti dan semangat kemanusiaan tidak mencampuri urusan dalam negara lain tetapi lebih kepada membantu dalam bidang logistik menunjukkan sikap prihatin seperti Mercy Malaysia tidak mengharapkan sebarang balasan atas setiap bantuan yang diberikan</i></p> | 5-6 |
| | <p>Aras 2</p> <p>Jawapan agak mendalam/ berkembang Pengetahuan dan pemahaman agak mendalam Membuat inferens yang mudah Komunikasi agak menarik</p> | 3-4 |

Contoh:

Menghantar bantuan kemanusiaan ke seluruh dunia seperti Syria, Iran, Iraq dan Indonesia menunjukkan semangat solidariti dan semangat kemanusiaan tidak mencampuri urusan dalam negara lain tetapi lebih kepada membantu dalam bidang logistik

Aras 1

1-2

Pengetahuan dan pemahaman terhadap Jawapan secara umum

Contoh:

Menghantar bantuan kemanusiaan ke seluruh dunia seperti Syria, Iran, Iraq dan Indonesia

7 (a) Jelaskan ciri-ciri mata wang kerajaan Melayu tradisional.

| | | |
|-----|---|---|
| F1 | Umumnya negeri-negeri Melayu menggunakan mata wang diperbuat daripada timah | 1 |
| F2 | Mata wang timah pada zaman Melaka berbentuk bulat / beratnya satu kati lapan tahlil | 1 |
| F3 | Dicatat nama sultan memerintah / tarikh Islam pada mata wang tersebut | 1 |
| F4 | Mata wang Pasai / Hormuz / Cambay digunakan di Melaka | 1 |
| F5 | Di Johor mata wang timah dikenali sebagai katun | 1 |
| F6 | Tidak mempunyai tarikh / berbentuk bulat / segi enam | 1 |
| F7 | Mempunyai tulisan jawi / Arab | 1 |
| F8 | Mata wang timah kedah untuk kegunaan tempatan | 1 |
| F9 | Berbentuk seekor ayam jantan yang hinggap di atas beberapa cincin. | 1 |
| F10 | Mata wang ini boleh dipatahkan dan digunakan secara berasingan | 1 |
| F11 | Terdapat mata wang diperbuat daripada emas | 1 |
| F12 | Digunakan secara meluas di Kedah / Johor | 1 |
| F13 | Mata wang emas Johor tertua pada zaman Sultan alaudin Riayat Syah | 1 |
| F14 | Mata wang emas Johor digelar kupang | 1 |
| F15 | Tertera nama dan pangkat sultan yang memerintah | 1 |
| F16 | Di belakang tertulis gelaran Islam sultan iaitu Khalifatul Muslimin | 1 |
| F17 | Mata wang emas Kelantan dikenali sebagai kijang kerana terdapat gambar kijang | 1 |
| F18 | Pedagang Eropah menggunakan wang perak | 1 |
| F19 | Pedagang India / China / Arab menggunakan mata wang emas | 1 |

[Mana-mana 6X1 m]

[6 m]

| | | | |
|-------|---|--|--------------|
| 7 (b) | Mengapakah pedagang Melayu membabitkan diri secara aktif dalam kegiatan perdagangan selepas kedatangan Islam di rantau Asia Tenggara? | | |
| | F1 | Perdagangan di Laut Hindi dan China Selatan dikuasai pedagang Islam | 1 |
| | F2 | Perniagaan adalah sumber rezeki yang besar | 1 |
| | F3 | Mencontohi amalan Nabi Muhammad s.a.w. | 1 |
| | F4 | Perdagangan menjadi saluran untuk menyebarkan Islam | 1 |
| | F5 | Kemunculan Melaka sebagai pusat perdagangan | 1 |
| | F6 | Bahasa Melayu menjadi lingua franca | 1 |
| | F7 | Orang Melayu mahir dalam perniagaan | 1 |
| | F8 | Orang Melayu mahir membina kapal | 1 |
| | | (Mana-mana jawapan munasabah) | |
| | | [Mana-mana 6X1 m] | [6 m] |
| 7 (c) | Perdagangan dapat meningkatkan kemajuan ekonomi negara kita. Berikan penjelasan anda. | | |
| | F1 | Memberikan pendapatan kepada negara | 1 |
| | H1 | untuk aktiviti pembangunan dan kesejahteraan rakyat | 1 |
| | F2 | Menggalakkan pelaburan asing | 1 |
| | H2 | dimana syarikat-syarikat asing melabur secara terus aset mereka dalam satu negara | 1 |
| | F3 | Menyebabkan berlakunya pengaliran dana dari luar negara | 1 |
| | H3 | apabila eksport barangan/produk keluar seperti proton dan lain-lain | 1 |
| | F4 | Menyediakan peluang pekerjaan | 1 |
| | H4 | melalui SDSI , peluang pekerjaan akan terbuka kepada kawasan sekitarnya | 1 |
| | F5 | Menjadi pemangkin kepada perkembangan industri | 1 |
| | H5 | Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah (SSFS) ditubuhkan pada 2012 bagi menyediakan bantuan kewangan | 1 |
| | F6 | Menggalakkan masyarakat tempatan berdagang | 1 |
| | H6 | Melalui produk yang dihasilkan dan dipasarkan keluar negara | 1 |
| | F7 | Meningkatkan taraf hidup rakyat | 1 |
| | H7 | RM50 juta telah diperuntukkan untuk Program Latihan Kerjaya dan Kemahiran serta Program Peningkatan Pendapatan | 1 |
| | F8 | Mempercepatkan pembangunan infrastruktur | 1 |
| | H8 | termasuk lebuh raya, rel dan lapangan terbang, Transit Aliran Massa (MRT) dan Transit Aliran Ringan (LRT) | 1 |
| | | (Mana-mana jawapan munasabah) | |
| | | [Mana-mana 8X1 m] | [8 m] |

| | | | |
|-----------|---|---|--------------|
| 8 (a) | Jelaskan sistem pentadbiran di Filipina sebelum dan selepas kedatangan kuasa Barat. | | |
| F1 | Sebelum kedatangan Sepanyol, Filipina terdiri daripada daerah-daerah kecil dikenali sebagai barangay | 1 | |
| H2 | Barangay diperintah oleh golongan datu | 1 | |
| F3 | Selepsa kedatangan Sepanyol, Sepanyol memperkenalkan sistem pentadbiran berpusat | 1 | |
| H3a | Gabenor Jeneral sebagai pemerintah tertinggi | 1 | |
| H3b | Gabenor Jeneral dibantu oleh Ketua Datuk Bandar/ pentadbir wilayah | 1 | |
| H3c | dan Gabenor Kecil/ pentadbir bandar | 1 | |
| F4 | Pentadbiran peringkat tempatan dilaksanakan di bawah Sistem Encomienda/ barangay yang digabungkan | 1 | |
| H4a | Encomienda diketuai oleh Encomiendero | 1 | |
| H4b | Tugas encomiendero ialah menjaga keamanan | 1 | |
| H4c | Mengutip cukai | 1 | |
| H4d | Mengkristiankan penduduk tempatan | 1 | |
| | [Mana-mana 8X1 m] | | [8 m] |
| 8 (b) | Tokoh di atas memainkan peranan penting dalam perjuangan nasionalisme di Filipina. Buktikan. | | |
| F1 | Melancarkan gerakan dakyah terhadap Sepanyol di di Filipina | 1 | |
| H1a | Mendapat sokongan golongan pertengahan yang berpendidikan Barat | 1 | |
| H1b | Menuntut Filipina dijadikan wilayah Sepanyol | 1 | |
| H1c | Menuntut bangsa Filipina diberikan hak yang sama seperti bangsa Sepanyol | 1 | |
| H1d | Menuntut bangsa Filipina diberikan kebebasan bersuara | 1 | |
| F2 | Menubuhkan Liga Filipina apabila semua tuntutan tidak dilayan Sepanyol | 1 | |
| H2a | Bertujuan mendesak Sepanyol melakukan pembanharuan politik, ekonomi dan sosial | 1 | |
| F3 | Kerajaan Sepanyol berasa terancam dan menangkap serta membuang Jose Rizal ke Dapitan di Mindanao | 1 | |
| H3a | Akhirnya Jose Rizal dijatuhkan hukuman bunuh atas tuduhan terlibat dengan pemberontakan | 1 | |
| | [Mana-mana 6X1 m] | | [6 m] |
| 8 (c) | Imperialis Barat berjaya menangani gerakan nasionalisme di Asia Tenggara. Bincangkan. | | |
| | Aras 3 | | 5-6 |
| | Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai | | |

| | | |
|-------|--|----------------------------|
| | <p>Memberikan inferens Jawapan mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Menangkap dan menjatuhkan hukuman berat ke atas para nasionalis seperti Jose Rizal di Filipina dan Soekarno di Indonesia menganggap mereka sebagai pemberontak atau pengganas ada yang dihukum buang daerah atau negeri dan ada yang dihukum mati bertujuan menakutkan rakyat tempatan yang menentang kuasa Barat dan akhirnya perjuangan pemimpin tempatan semakin lemah</i></p> | |
| | <p>Aras 2</p> <p>Jawapan agak mendalam/ berkembang Pengetahuan dan pemahaman agak mendalam Membuat inferens yang mudah Komunikasi agak menarik</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Menangkap dan menjatuhkan hukuman berat ke atas para nasionalis seperti Jose Rizal di Filipina dan Soekarno di Indonesia menganggap mereka sebagai pemberontak atau pengganas ada yang dihukum buang daerah atau negeri dan ada yang dihukum mati</i></p> | 3-4 |
| | <p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Menangkap dan menjatuhkan hukuman berat ke atas para nasionalis seperti Jose Rizal di Filipina dan Soekarno di Indonesia</i></p> | 1-2 |
| 9 (a) | <p>Terangkan ciri-ciri negara dan bangsa Kesultanan Melayu Melaka.</p> <p>F1 Wilayah pengaruh</p> <p>H1a Merujuk kepada rakyatnya yang menerima dan memperakui pemerintahan seorang raja</p> <p>H1b Kesultanan Melayu Melaka mempunyai kawasan lingkungan pengaruh yang luas</p> | <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> |

| | | |
|-----------|--|--------------|
| H1c | Empayarnya meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh timur Sumatera | 1 |
| F2 | Kedaulatan | 1 |
| H2a | Merupakan kekuasaan tertinggi terhadap rakyat | 1 |
| H2b | Tidak boleh dihadkan oleh mana-mana pihak | 1 |
| H2c | Kekuasaan dimiliki oleh sesebuah negara atau pemerintah | 1 |
| H2d | Pemerintah boleh menggunakan kuasa untuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang | 1 |
| H2e | Kedaulatan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka merujuk terus kepada raja yang memerintah | 1 |
| F3 | Lambang | 1 |
| H3a | Merupakan simbol / tanda identiti sesebuah kerajaan | 1 |
| H3b | Bahasa Melayu merupakan Bahasa kebangsaan dan lambang penyatuan negara dan bangsa | 1 |
| H3c | Kebesaran sultan dan Kesultanan Melayu Melaka dilambangkan dengan alat regalia, nobat, warna, protokol dan adat istiadat istana | 1 |
| F4 | Keunggulan undang-undang | 1 |
| H4a | Penguatkuasaan undang-undang merupakan cara formal untuk mengawal masyarakat melalui peraturan yang diwartakan | 1 |
| H4b | Undang-undang dicipta untuk memelihara keamanan dan melindungi rakyat | 1 |
| F5 | Rakyat | 1 |
| H5a | Merujuk seluruh penduduk bagi sesebuah wilayah | 1 |
| H5b | Rakyat terikat kepada undang-undang / peraturan yang dikuatkuasakan dalam wilayah | 1 |
| H5c | Rakyat bertanggungjawab untuk mentaati raja yang memerintah | 1 |
| H5d | Rakyat menunjukkan taat setia dengan mempertahankan negara, menghadiri adat istiadat kerajaan, mengadakan gotong-royong dan kerahan tenaga | 1 |
| F6 | Kerajaan | 1 |
| H6a | Merupakan badan yang diberikan kuasa untuk menguruskan pentadbiran | 1 |
| H6b | Menjaga keamanan | 1 |
| H6c | Mempertahankan kedaulatan negara | 1 |
| | [Mana-mana 8X1 m] | [8 m] |
| 9 (b) | Warisan Kesultanan Melayu Melaka masih kekal hingga hari ini. Buktikan. | |
| F1 | Sistem pemerintahan Negeri-negeri Melayu seperti Johor, Perak dan Pahang adalah berdasarkan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka | 1 |
| F2 | Mengamalkan sistem pemerintahan beraja | 1 |
| F3 | Pemerintah menggunakan gelaran sultan pada awal nama dengan mencontohi Sultan Melaka | 1 |
| F4 | Sistem perwarisan takhta mengikut jurai keturunan sebelah bapa | 1 |
| F5 | Putera sulung sultan dengan permaisurinya sebagai pewaris takhta kerajaan | 1 |
| F6 | Sekiranya sultan tiada putera, adik lelaki sultan boleh mewarisi takhta | 1 |

| | | |
|-------|---|--------------|
| | F7 Kerajaan Johor, Perak dan Pahang diasaskan oleh kerabat diraja Melaka | 1 |
| | F8 Mengamalkan Sistem Pembesar Empat Lipatan seperti yang diamalkan di Melaka | 1 |
| | F9 Kitab undang-undang bagi negeri Johor, Perak dan Pahang disalin dan dipinda berdasarkan Hukum Kanun Melaka | 1 |
| | F10 Adat istiadat Melayu seperti protokol menyambut tetamu, pertabalan dan pemakaman masih diamalkan | 1 |
| | F11 Agama Islam sebagai agama rasmi | 1 |
| | F12 Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan | 1 |
| | F13 Alat kebesaran diraja seperti tombak, keris dan cap mohor | 1 |
| | [Mana-mana 6X1 m] | [6 m] |
| 9 (c) | Mengapakah warisan sesuatu bangsa perlu dipertahankan ? Beri penjelasan anda. | |
| | Aras 3 | 5-6 |
| | Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Memberikan inferens Jawapan mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas Menunjukkan kematangan | |
| | Contoh: | |
| | <i>Dapat mengekalkan budaya dan bangsa sesebuah tamadun agar tidak hilang ditelan arus zaman dan kemodenanan seperti memelihara adat atau bangunan bersejarah menghargai amalan dan budaya baik yang ditinggalkan generasi terdahulu menjadi pegangan dan panduan generai akan datang meningkatkan imej negara kerana maju mengikut acuan sendiri</i> | |
| | Aras 2 | 3-4 |
| | Jawapan agak mendalam/ berkembang Pengetahuan dan pemahaman agak mendalam Membuat inferens yang mudah Komunikasi agak menarik | |
| | Contoh: | |
| | <i>Dapat mengekalkan budaya dan bangsa sesbuah tamadun agar tidak hilang ditelan arus zaman dan kemodenanan seperti memelihara adat atau bangunan bersejarah menghargai amalan dan budaya baik yang ditinggalkan generasi terdahulu</i> | |

| | | |
|--------|---|---|
| | <p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhadap Jawapan secara umum</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Dapat mengekalkan budaya dan bangsa sesbuah tamadun agar tidak hilang ditelan arus zaman dan kemodenanan</i></p> | 1-2 |
| 10 (a) | <p>Jelaskan maksud sistem Raja Berperlembagaan.</p> <p>F1 Sistem pemerintahan beraja yang mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia</p> <p>F2 Yang di-Pertuan Agong (YDPA) bertindak berdasarkan Perlembagaan Malaysia</p> <p>F3 YDPA bertindak atas nasihat Perdana Menteri</p> <p>F4 Semasa menjalankan tugasnya baginda tidak boleh bertindak sendirian kecuali dalam perkara tertentu yang memerlukan budi bicara baginda untuk membuat keputusan</p> <p>F5 YDPA dipilih daripada kalangan Sembilan orang Raja Melayu daripada sembilan buah negeri Melayu secara bergilir-gilir</p> <p>F6 Pemilihan YDPA dibuat mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia.</p> <p>F7 Menjadi tonggak keagungan kerajaan Malaysia sejak merdeka sehingga kin</p> <p>F8 Membantu memantapkan kewibawaan institusi beraja di Malaysia</p> <p>F9 Memberi keseimbangan kepada raja yang menaungi rakyat dan rakyat yang dinaungi oleh raja</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4X1 m]</p> | <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4 m]</p> |
| 10 (b) | <p>Terangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia.</p> <p>F1 Sebagai ketua negara</p> <p>F2 Mengetuai tiga badan kerajaan</p> <p>H2a Badan Perundangan (Legislatif), Badan Pemerintah (Eksekutif) dan Badan Kehakiman (Judisiari)</p> <p>F3 Mempunyai kuasa memanggil dan membubarkan Parlimen</p> <p>F4 Merupakan ketua tertinggi Angkatan Bersenjata</p> <p>F5 Berkuasa mengampunkan dan menangguhkan sesuatu hukuman terhadap kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera</p> <p>F6 Bertanggung jawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu</p> <p>F7 Boleh menitahkan Majlis Raja-raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan kedudukan, kehormatan dan kemuliaan Raja-raja Melayu</p> | <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> |

| | | | |
|--------|-----------|---|---------------|
| | F8 | Merupakan ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri, Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak | 1 |
| | F9 | Mempunyai kuasa budi bicara untuk melantik Perdana Menteri | 1 |
| | F10 | Berkuasa melantik dan melucutkan jawatan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri | 1 |
| | F11 | Berkuasa mengisytiharkan undang-undang darurat di bawah undang-undang 'X' jika keselamatan negara terancam | 1 |
| | F12 | Melantik Pengerusi dan tiga orang Suruhanjaya Pilihan raya ((SPR), ahli Perkhidmatan Kehakiman serta Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | 1 |
| | F13 | Mempunyai kuasa tertinggi untuk mentauliahkan duta-duta negara kita | 1 |
| | | [Mana-mana 10X1 m] | [10 m] |
| 10 (c) | | Mengapakah institusi Raja Berperlembagaan perlu dipertahankan? | |
| | F1 | Warisan turun-temurun sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka | 1 |
| | F2 | Merupakan tonggak keagungan kerajaan Malaysia | 1 |
| | F3 | Raja merupakan ketua negara | 1 |
| | F4 | Lambang kedaulatan negara | 1 |
| | F5 | Lambang taat setia rakyat | 1 |
| | F6 | Lambang perpaduan rakyat | 1 |
| | F7 | Lambang identiti negara | 1 |
| | F8 | Pelindung semua rakyat / orang Melayu | 1 |
| | F9 | Menjaga hak istimewa orang Melayu / bumiputera | 1 |
| | | (Mana-mana jawapan munasabah) | |
| | | [Mana-mana 6X1 m] | [6 m] |
| 11 (a) | | Terangkan asas-asas penggubalan dasar luar Malaysia. | |
| | F1 | Faktor sejarah | 1 |
| | H1a | Hubungan dengan negara luar telah terjalin sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka | 1 |
| | H1b | Seperti China, Arab, Siam dan negeri-negeri di Kepulauan Melayu. | 1 |
| | H1c | Hubungan luar lebih berbentuk hubungan perdagangan | 1 |
| | H1d | Hubungan erat juga terjalin dengan negara-negara Melayu serumpun di Kepulauan Melayu (Indonesia, Brunei, Singapura dan Malaysia) | 1 |
| | H1e | Selepas merdeka, Malaysia menyertai pertubuhan Komanwel | 1 |
| | H1f | Meneruskan hubungan diplomatik dengan Britain / negara Komanwel lain | 1 |
| | H1g | seperti Austaralia dan New Zealand. | 1 |
| | H1h | Malaysia ketika itu diancam oleh fahaman komunis | 1 |
| | H1i | Disebarkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) | 1 |
| | H1j | Ancaman ini menggugat keselamatan Malaysia | 1 |
| | H1k | Mendorong Malaysia mengamalkan dasar luar yang pro-Barat dan antikomunis | 1 |
| | H1l | Malaysia masih bergantung kepada kuasa Barat kerana belum mempunyai keupayaan pertahanan. | 1 |
| | F2 | Faktor Ekonomi | 1 |

| | | |
|-----------|--|---|
| H2a | Mengamalkan pasaran bebas | 1 |
| H2b | Menjalin hubungan baik dengan negara-negara lain bagi memastikan kemajuan ekonomi | 1 |
| H2c | Malaysia merupakan negara pengeluar utama bijih timah / getah sejak zaman penjajahan British | 1 |
| H2d | Terjalin hubungan ekonomi antara Malaysia dengan negara-negara maju | 1 |
| H2e | Seperti Britain dan Amerika Syarikat | 1 |
| H2f | Selepas merdeka, Malaysia masih mengharapkan pasaran / modal dari negara-negara tersebut | 1 |
| H2g | Usaha diambil untuk menggalakkan pelaburan asing | 1 |
| H2h | Bagi meningkatkan ekonomi dan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat | 1 |
| H2i | Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan tahun 1980an | 1 |
| H2j | Menggalakkan pelaburan asing dari Jepun dan Korea | 1 |
| H2k | Menjalin hubungan baik dengan negara-negara sedang membangun / negara-negara Islam | 1 |
| H2l | Bertujuan meningkatkan pasaran barangan keluaran Malaysia | 1 |
| H2m | Menggalakkan pelaburan di negara berkenaan | 1 |
| F3 | Faktor Politik | 1 |
| H3a | Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen | 1 |
| H3b | Berhak menentukan hala tuju / masa depan berdasarkan prinsip keamanan sejagat | 1 |
| H3c | Menekankan pemeliharaan kedaulatan negara-negara lain | 1 |
| H3d | Dasar Malaysia menyokong Palestin bagi mewujudkan keamanan di rantau Asia Barat | 1 |
| H3e | Berpegang teguh kepada Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memelihara keamanan dunia | 1 |
| F4 | Faktor Geografi | 1 |
| H4a | Malaysia berkedudukan strategik di Asia Tenggara | 1 |
| H4b | Bersempadan dengan kebanyakan negara serantau seperti Singapura / Thailand / Indonesia / Filipina / Brunei | 1 |
| H4c | Perairan Malaysia menjadi laluan utama kapal-kapal perdagangan di dunia | 1 |
| H4d | Keselamatan negara serantau akan memberi kesan terhadap keselamatan Malaysia | 1 |
| F5 | Faktor Demografi | 1 |
| H5a | Menjalin hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara Islam | 1 |
| H5b | Majoriti penduduk Malaysia beragama Islam | 1 |
| H5c | Malaysia tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Israel | 1 |
| H5d | Kerana mencerooboh dan menindas penduduk Palestin | 1 |
| H5e | Rakyat Malaysia yang pelbagai kaum bebas mengamalkan budaya hidup dan agama masing-masing | 1 |
| H5f | Amalan konsep perpaduan dan sikap komited terhadap hak asasi manusia | 1 |
| H5g | menyebabkan Malaysia menentang keras Dasar Aparteid di Afrika Selatan | 1 |
| H5h | Tiada hubungan diplomatik | 1 |
| H5i | Sehingga Dasar Aparteid dihapuskan oleh Afrika Selatan | 1 |
| H5j | Kepelbagaian kaum di negara ini mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia | 1 |

[Mana-mana 8X1 m]

[8 m]

11 (b) Jelaskan tahap-tahap perkembangan dasar luar Malaysia.

Tahap Satu

| | | |
|-----|---|---|
| | | 1 |
| F1 | Dasar pro-Barat yang anti komunis | 1 |
| F2 | Berbaik-baik dengan negara jiran dan komanwel | 1 |
| F3 | Dilaksanakan oleh Tunku Abdul Rahman | 1 |
| F4 | Ancaman komunis di negara-negara Asia Tenggara / Ancaman Parti Komunis Malaya di Malaysia | 1 |
| F5 | Malaysia memerlukan bantuan pertahanan daripada negara-negara Komanwel Terutama Britain / Australia / New Zealand | 1 |
| F6 | Menandatangani Perjanjian Pertahanan Inggeris-Tanah Melayu / Anglo-Malayan Defence Treaty (AMDA) pada tahun 1956 | 1 |
| F7 | British akan memberikan bantuan kepada Malaysia sekiranya diserang oleh mana-mana negara | 1 |
| F8 | Dasar luar terbaik-baik dengan negara jiran bagi menangani krisis dengan negara luar | 1 |
| F9 | Seperti konfrantasi dengan Indonesia / Filipina / keluarnya Singapura daripada Malaysia | 1 |
| F10 | Membuat perjanjian bagi memelihara hubungan dengan negara jiran | 1 |
| F11 | Menandatangani perjanjian menubuhkan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA) / MAPHILINDO / ASEAN | 1 |
| F12 | Memperlihatkan pergantungan Malaysia kepada Britain dalam menjaga kepentingan ekonomi | 1 |
| F13 | Malaysia merupakan anggota blok sterling | 1 |
| F14 | Menjalankan urusan perdagangan dalam nilai mata wang pound sterling | 1 |
| F15 | Mengharapkan sepenuhnya permintaan daripada Britain bagi pasaran bijih timah dan getah | 1 |
| F16 | Pelabur Britain masih menguasai peratus yang besar dalam ekonomi Malaysia | 1 |
| F17 | terutama sektor perladangan dan perindustrian | 1 |
| F18 | Mengurangkan pergantungan kepada Britain dengan mengamalkan pasaran bebas / mencari pasaran baharu | 1 |
| F17 | Membina rangkaian perdagangan dengan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat / Jepun / Singapura / Jerman Barat | 1 |

Tahap Kedua

| | | |
|-----|---|---|
| F18 | Era Tunku Abdul Razak (1972 -1976) dan Tun Hussein (1976 – 1981) | 1 |
| F19 | Amalkan dasar berkecuali dan terbaik-baik dengan semua negara | 1 |
| F20 | Perubahan ini disebabkan kurangnya peranan AMDA dan kurangnya pengaruh Britain di timur | 1 |
| F21 | Ia juga kerana pergolakan yang berlaku di Vietnam | 1 |
| F22 | Mengisytiharkan ZOPFAN | 1 |
| F23 | Menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara berfahaman komunis seperti China | 1 |
| F24 | Menjalinkan hubungan diplomatik dengan Vietnam pada 1976 | 1 |

Tahap Ketiga

| | | |
|-----|---|---|
| F25 | Era Dato Seri Dr.Mahathir Mohamad (1981 – 2003) | 1 |
|-----|---|---|

| | | | |
|--------|-----|--|--------------|
| | F26 | Dasar tahap ini mengekalkan dasar tahap kedua tetapi memberi penekanan kepentingan ekonomi | 1 |
| | F27 | Malaysia menjalin hubungan yang lebih erat dengan negara ASEAN seperti menyelesaikan krisis Vietnam dan Kampuchea | 1 |
| | F28 | Memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur pada 1982 dengan menggunakan Jepun dan Korea Selatan sebagai model pembangunan | 1 |
| | F29 | Malaysia mempertingkatkan hubungan dua hala dengan negara lain | 1 |
| | F30 | Membuat lawatan yang dilakukan oleh Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir ke negara Afrika, Amerika Selatan Caribbean dan Pasifik Selatan | 1 |
| | F31 | Melalui siri lawatan ini, Malaysia menandatangani perjanjian perdagangan dua hala | 1 |
| | F32 | Malaysia menjalin hubungan dengan negara Dunia Ketiga | 1 |
| | F33 | Malaysia dalam Pertubuhan Antarabangsa | 1 |
| | | [Mana-mana 6X1 m] | [6 m] |
| 11 (c) | | Jelaskan kepentingan dasar luar Malaysia dalam meningkatkan ketamadunan bangsa dan negara. | |
| | | Aras 3 | 5-6 |
| | | Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Memberikan inferens Jawapan mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas Menunjukkan kematangan | |
| | | Contoh: | |
| | | <i>Menjamin keselamatan rakyat dan negara agar rakyat hidup selesa tanpa rasa ketakutan seperti ancaman penganas atau militan Malaysia bekerjasama dengan negara jiran menghadapi ancaman musuh dengan bertukar maklumat dan risikan bagi menghalang sebarang anasir yang menggugat rantau ASEAN</i> | |
| | | Aras 2 | 3-4 |
| | | Jawapan agak mendalam/ berkembang Pengetahuan dan pemahaman agak mendalam Membuat inferens yang mudah Komunikasi agak menarik | |
| | | Contoh: | |
| | | <i>Menjamin keselamatan rakyat dan negara agar rakyat hidup selesa tanpa rasa ketakutan</i> | |

| | | |
|--|---|-----|
| | <p><i>seperti ancaman pengganas atau militan Malaysia bekerjasama dengan negara jiran menghadapi ancaman musuh</i></p> | |
| | <p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhadap Jawapan secara umum</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Menjamin keselamatan rakyat dan negara agar rakyat hidup selesa tanpa rasa ketakutan</i></p> | 1-2 |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT